

Kos istana baru RM811 juta, tiada tender terbuka
Malaysiakini.com
June 14, 2010
S Pathmawathy

Kos pembinaan Istana Negara yang baru di Jalan Duta, Kuala Lumpur, telah meningkat dua kali ganda dalam tempoh empat tahun, demikian Dewan Rakyat diberitahu hari ini.

Semasa sesi soal-jawab pagi ini, Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Yong Khoo Seng berkata istana tersebut dianggar menelan belanja RM400 juta pada tahun 2006 tetapi kini kosnya meningkat kepada RM811 juta.

Kontrak pembinaan Istana Negara yang baru itu diberikan kepada tiga syarikat melalui perundingan langsung, dan bukan melalui tender terbuka, kata Yong.

Katanya, kontrak tersebut diberikan melalui cara tersebut kerana Istana Negara adalah "unik" dan memerlukan pertimbangan keselamatan tambahan.

Kenyataannya itu mengundang reaksi daripada Nga Kor Ming (DAP-Taiping) - yang mengajukan soalan tersebut - dengan menyatakan bahawa perundingan langsung itu bertentangan dengan janji Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak di bawah Model Ekonomi Baru (MEB).

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.
Source : <http://www.malaysiakini.com/news/134465>